

SULIT
3755/1
PERDAGANGAN
KERTAS 1
NOVEMBER
2002
1 JAM

3755/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002

TINGKATAN EMPAT

PERDAGANGAN

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

SULIT

1. "Kehendak adalah pelengkap kepada keperluan." Antara yang berikut yang manakah benar mengenai pernyataan di atas?
 - A. Individu memerlukan tempat tinggal untuk melindungi dirinya.
 - B. Individu memerlukan makanan untuk terus hidup.
 - C. Individu memerlukan rumah yang serba lengkap untuk hidup dengan selesa.
 - D. Individu memerlukan pakaian untuk melindungi badan.

2. Manakah antara yang berikut bukan masalah perniagaan sistem Barter?
 - A. Kesukaran bagi mencari kemahuan serentak
 - B. Kesukaran bagi membuat bayaran dalam mata wang yang sesuai
 - C. Kesukaran bagi membahagikan barang kepada unit yang lebih kecil
 - D. Kesukaran bagi menentukan nilai suatu barang dengan barang lain

3. Di antara berikut yang manakah merupakan kelebihan-kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran?
 - I Kos pengeluaran dapat ditingkatkan
 - II Menjimatkan masa
 - III Kemahiran pekerja dapat ditingkatkan
 - IV Membolehkan pengeluaran dijalankan secara besar-besaran
 - A. I dan III
 - B. II dan IV
 - C. I,II dan III
 - D. II,III dan IV

4. Mengapakah perniagaan di anggap sebagai cabang perdagangan?
 - A. Perniagaan melibatkan proses pengagihan barang-barang
 - B. Perniagaan melibatkan pengurusan kewangan
 - C. Perniagaan bermotifkan keuntungan iaitu membeli pada harga yang rendah dan menjual pada harga yang tinggi
 - D. Perniagaan melibatkan proses jualan langsung dan tidak langsung

5. Antara yang berikut manakah merupakan aktiviti bantuan perniagaan?
 - A. Menjalankan perniagaan runcit kecil-kecilan
 - B. Menjalankan perniagaan pesanan mel
 - C. Mengendalikan syarikat perkhidmatan pengangkutan
 - D. Berkhidmat sebagai ahli silap mata di sebuah sarkas

SULIT

Soalan 6 adalah berdasarkan petikan yang berikut :

Beberapa orang peniaga mengendalikan gerai makanan dan minuman. Gerai-gerai ini dalam keadaan serba kekurangan tanpa bekalan elektrik dan bekalan air paip. Sebuah agensi kerajaan telah mendirikan gerai baru lengkap dengan kemudahan elektrik dan air dan menyewakan gerai-gerai tersebut kepada para perniagaan yang berkenaan.

6. Agensi yang dimaksudkan dalam petikan di atas ialah :

- I UDA
- II PKEN
- III MEXPO

- A. I sahaja
- B. I dan II sahaja
- C. I dan III sahaja
- D. II dan IV sahaja

Soalan 7 adalah berdasarkan jadual mengenai jenis perniagaan yang terdapat di Taman Sri Murni, Gong Badak, Kuala Terengganu.

| NAMA PERNIAGAAN/PEKERJAAN | BILANGAN |
|---------------------------------|----------|
| Kedai runcit | 25 |
| Restoran | 5 |
| Gerai makanan | 24 |
| Tadika | 2 |
| Bengkel Servis kereta dan motor | 2 |
| Syarikat perumahan | 2 |
| Kilang kasut | 1 |
| Kedai gunting rambut | 2 |

7. Apakah rumusan anda?

- A. Kebanyakan penduduk terlibat dalam bidang pengeluaran yang berasaskan khidmat langsung.
- B. Tiada sebarang perniagaan yang terlibat dalam bidang pengeluaran perkilangan.
- C. Bidang perdagangan tidak memainkan peranan penting di kawasan perumahan ini.
- D. Penduduk di kawasan ini tidak terlibat dalam bidang pengeluaran ekstraktif.

SULIT

8. Ciri-ciri seorang peruncit kecil-kecilan ialah :

- I Memecah pukal
- II Memberikan kemudahan kredit
- III Menyediakan perkhidmatan selepas jualan
- IV Menasihati pengeluaran meningkatkan mutu keluaran

- A. I,II dan III
- B. I,II dan IV
- C. I,III dan IV
- D. II,III dan IV

9. Antara yang berikut , manakah yang tidak berkaitan dengan layan diri.

- A. Barang perlu dilabelkan dengan tanda harga
- B. Barang perlu diperagakan di rak-rak
- C. Perniagaan ini dijalankan oleh peruncit kecil-kecilan
- D. Harga jualan barang adalah tetap

10. Di antara fungsi pemborong, yang manakah di antara berikut tidak benar?

- A. Pemborong menjual barang-barang kepada pengguna dalam kuantiti yang diminta.
- B. Pemborong membiayai pengeluaran dengan penjelasan hutangnya secara cepat.
- C. Pemborong membantu pengguna mendapatkan pelbagai jenis barang sepanjang tahun
- D. Pemborong juga boleh mengimport barang untuk jualan semula di dalam negeri.

11. Perniagaan borong adalah satu perniagaan yang memerlukan modal besar. Mengapakah modal besar penting kepada pemborong?

- I Menyimpan stok dengan banyak
- II Membiayai pengeluaran dan peruncit
- III Membiayai kos gudang
- IV Menjual secara kredit kepada pengguna

- A. Kesemua di atas kecuali I
- B. Kesemua di atas kecuali II
- C. Kesemua di atas kecuali III
- D. Kesemua di atas kecuali IV

SULIT

12. Antara berikut, situasi yang manakah boleh berlaku tanpa menggunakan perkhidmatan pemborong?

- I Syarikat penerbitan buku membuka satu rangkaian kedai buku.
- II Encik Naqiuddin menempah satu set perabot berukiran daripada Kilang Perabot Mewah mengikut rekaan sendiri
- III Pengguna membeli beras secara terus daripada kilang-kilang beras
- IV Kedai Runcit Zulhilmi membeli tepung beras dan gula secara kredit daripada pengeluar.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I,II,III dan IV

| |
|---|
| PERUNCIT ⇒ GUDANG PEMBORONG ⇒ MEMBAYAR TUNAI ⇒ MENGANGKUT BARANG SENDIRI |
|---|

13. Rajah di atas menerangkan....

- A. Pemborong bayar dan bawa
- B. Pemborong pesanan berwakil
- C. Pemborong berfungsi penuh
- D. Pemborong berfungsi terhad

14. Pak Seman sentiasa datang ke Kampung Penarik untuk membeli ikan daripada para nelayan. Nelayan di kampung tersebut terpaksa menjual ikan mereka kepada Pak Seman. Mereka menganggap Pak Seman sebagai "lintah darat" kerana...

- A. Pak Seman memaksa nelayan menangkap ikan dengan banyak.
- B. Bot-bot yang digunakan oleh para nelayan untuk menangkap ikan semuanya adalah kepunyaan Pak Seman.
- C. Pak Seman memasarkan hasil tangkapan nelayan tersebut di tempat-tempat yang jauh dari Kampung Penarik.
- D. Pak Seman membeli hasil tangkapan nelayan dengan harga yang paling rendah dan menjualnya dengan harga yang mahal.

SULIT

Soalan 15 dan 16 berdasarkan maklumat berikut :

Berikut adalah urus niaga antara Kedai Runcit Muttaqin dengan Pembekal Amanah.

September 16 Pembekal Amanah menghantar barang kepada Kedai Runcit Muttaqin bernilai RM1800.00 dengan syarat :

Diskaun niaga 15%

Diskaun tunai 10% 7 hari 5% 15 hari

September 20 Pembekal Amanah menghantar Nota Kredit kepada Kedai Runcit Muttaqin berjumlah RM70.00.

September 25 Kedai Runcit Muttaqin menjelaskan hutangnya dengan pembekal Amanah.

15. Berapakah amaun yang dibayar oleh Kedai Runcit Muttaqin pada 25 September?

- A. RM 1530.00
- B. RM 1460.00
- C. RM 1440.00
- D. RM 1387.00

16. Mengapakah Pembekal Amanah menghantar Nota Kredit kepada Kedai Runcit Muttaqin ?

- A. kerana Kedai Runcit Muttaqin menambahkan perbelanjaan sebanyak RM70.00.
- B. kerana Kedai Runcit Muttaqin mengurangkan pembeliannya sebanyak RM70.00.
- C. kerana Pembekal Amanah mengenakan caj RM70.00 sebagai tambang penghantaran.
- D. Kerana Kedai Runcit Muttaqin memulangkan barang yang rosak bernilai RM70.00.

SULIT

17. Antara yang berikut yang manakah menunjukkan susunan penggunaan dokumen yang betul dalam sesuatu perniagaan?

- A. Surat Pertanyaan ⇒ Surat Pesanan ⇒ Sebut Harga ⇒ Invois ⇒ Nota Serahan ⇒ Penyata Akaun.
- B. Surat Pertanyaan ⇒ Senarai Harga ⇒ Borang Pesanan ⇒ Nota Serahan ⇒ Invois ⇒ Penyata Akaun.
- C. Invois ⇒ Surat Pesanan ⇒ Sebut Harga ⇒ Nota Serahan ⇒ Surat Pertanyaan ⇒ Resit.
- D. Sebut Harga ⇒ Surat Pertanyaan ⇒ Borang pesanan ⇒ Invois ⇒ Nota Serahan ⇒ Resit.

18. Istilah K.& K.D.K. dalam invois merujuk kepada....

- A. Kesilapan dan kesalahan dikecualikan
- B. Kesilapan dan ketinggalan dikecualikan
- C. Kesalahan dan kelebihan dikecualikan
- D. Kesilapan dan kekurangan dikecualikan

19. Apakah tujuan penjual memberi diskaun tunai kepada para pembeli ?

- I Menggalakkan pembelian secara pukal
- II Mengurangkan hutang lapuk
- III Membolehkan penjual mendapat untung besar
- IV Menggalakkan penjelasan hutang dengan segera

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

20. Mengapakah sasaran pasaran penting dalam melaksanakan strategi campuran pemasaran?

- A. Untuk meningkatkan jualan hasil keluaran
- B. Untuk mengurangkan kos dalam proses pengeluaran
- C. Untuk menghasilkan keluaran yang bermutu dalam usaha memuaskan kehendak manusia.
- D. Untuk menarik kumpulan pengguna yang mempunyai kehendak yang sama.

21. Konsep pemasaran yang berorientasikan keluaran memberi tumpuan kepada...

- A. Harga keluaran
- B. Mutu keluaran
- C. Kehendak pengguna
- D. Pembungkusan yang menarik

SULIT

22. Apakah tujuan pemasaran ?

- A. Memperkenalkan keluaran kepada pengguna.
- B. Menjual semua keluaran yang dihasilkan.
- C. Menambahkan nilai sesuatu keluaran
- D. Menyampaikan keluaran kepada pengguna

23. Antara berikut yang manakah faedah perniagaan luar negeri yang dinikmati oleh pengeluar

- A. Mengurangkan persaingan
- B. Menikmati ekonomi bidangan
- C. Mengurangkan risiko kerugian
- D. Meningkatkan taraf hidup pekerja

Soalan 24 berdasarkan jadual di bawah :

| JENIS EKSPORT | NILAI EKSPORT RM (JUTA) |
|-------------------------------|-------------------------|
| Pertanian | 53,400 |
| Pengangkutan dan insurans | 3,200 |
| Pendapatan daripada pelaburan | 5,600 |
| Galian | 28,000 |
| Barang-barang perkilangan | 94,300 |
| Pelancongan | 4,500 |

24. Hitungkan sumbangan nilai eksport tak nyata kepada eksport Malaysia

- A. 4.55%
- B. 5.14%
- C. 7.04%
- D. 92.21%

25. Sijil Asal-Usul digunakan oleh pengeksport untuk

- A. Menerangkan tentang barang-barang yang dieksport
- B. Membuktikan barang-barang dieksport bukan barang tiruan
- C. Menerangkan barang-barang dieksport adalah terjamin
- D. Membuktikan tempat asal barang-barang dieksport

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

26. Satu daripada masalah yang sering dihadapi oleh pengeksport ialah kelewatan menerima bayaran daripada pengimport yang menyebabkan modal terikat. Masalah ini boleh di atasi dengan menggunakan perkhidmatan.
- A. Pindahan kredit
 - B. Bil perintah bayar
 - C. Bil perbendaharaan
 - D. Perintah sedia ada
27. Masalah utama yang dihadapi oleh peniaga dalam perniagaan antarabangsa pada masa kini ialah
- A. Penentuan kedudukan kredit peniaga
 - B. Menetapkan sukatan dan timbangan yang berbeza
 - C. Risiko kecurian dan kerosakan
 - D. Sekatan dan peraturan kastam
28. Afiq, Alif dan Azhar telah berkongsi menubuhkan Syarikat ABC tanpa perjanjian perkongsian. Sumbangan modal mereka ialah RM12 000, RM 6 000 dan RM 6 000. Pada tahun 2000 Syarikat ABC telah mendapat keuntungan. Berapakah keuntungan yang akan diterima oleh Afiq, Alif dan Azhar
- A. RM 60 000 , RM 30 000 dan RM 30 000
 - B. RM 80 000 , RM 20 000 dan RM 20 000
 - C. RM 40 000 , RM 40 000 dan RM 40 000
 - D. RM 60 000 , RM 40 000 dan RM 20 000
29. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang tidak benar mengenai penswastaan
- A. Penswastaan adalah pemindahan sesuatu perbadanan awam kepada sektor Swasta.
 - B. Penswastaan menggalakkan kuasa monopoli kerajaan dalam kegiatan ekonomi
 - C. Penswastaan mengurangkan peranan kerajaan dalam bidang ekonomi dan Menambahkan peranan sector swasta.
 - D. Penswastaan bertujuan meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada orang ramai.

**Syarikat Telekom Malaysia Berhad
Tenaga Nasional Berhad**

30. Ciri-ciri milikan perniagaan di atas ialah
- I Polisi dan dasar dibuat oleh Lembaga Pengarah
 - II Pemilik boleh menjual sahamnya pada bila-bila masa
 - III Tanggungjawab pemegang saham terhadap kepada modal yang dilaburkan sahaja.
 - IV Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

31. Cik Rahimah mempunyai milikan berikut dalam Syarikat Mohzad Sdn. Bhd.

5000 syer keutamaan 5% RM 1 sesyer
7000 syer biasa RM 1 sesyer
100 debentur 6% RM 10 seunit

Syarikat mengistiharkan 10% dividen ke atas syer biasa. Hitungkan jumlah pendapatan Cik Rahimah daripada pelaburannya.

- A. RM 1010.00
- B. RM 956.00
- C. RM 1000.00
- D. RM 1100.00

32. Syarikat X dan Y ingin berkongsi kerana terlibat dalam bidang perniagaan yang sama. Antara bank-bank yang berikut bank manakah yang dapat memberikan nasihat kepada syarikat berkenaan.

- A. Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad
- B. Bank Bumiputra Commerce Malaysia Berhad
- C. Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- D. Bank Simpanan Nasional

33. Pernyataan yang berikut adalah benar mengenai overdraf kecualli

- A. mesti menawarkan sandaran yang bernilai
- B. hanya kepada pelanggan yang mempunyai akaun semasa
- C. kadar bunga yang lebih tinggi dikenakan dan dikira mengikut hari bagi jumlah yang dikeluarkan sahaja
- D. sesuai untuk membayar bil, hutang dan membeli barang-barang dagangan.

SULIT

34. Antara prinsip yang berikut manakah yang tidak berkaitan dengan Bank Islam.

- A. Al- Maisir
- B. Al- Wakala
- C. Al- Mudharabah
- D. Al- Baibithman ajil

35. Berikut merupakan peranan insurans kepada peniaga kecuali

- A. Memberi keyakinan kepada peniaga memperkembangkan perniagaan
- B. Melindungi peniaga daripada pelbagai jenis risiko
- C. Peniaga dapat perlindungan daripada tuntutan gantirugi
- D. Memupuk tabiat berjimat cermat di kalangan peniaga

Soalan 36 berdasarkan petikan di bawah.

En. Zubir baru membeli sebuah rumah dua tingkat dengan harga RM100,000. Dia menginsuranskan rumahnya untuk polisi kebakaran sebanyak RM100,000. dengan tiga buah syarikat insurans secara berasingan. Rumahnya telah terbakar. Kerugian dianggarkan sebanyak RM90,000.

36. Berapakah ganti rugi yang akan di terima oleh En. Zubir dari setiap syarikat insurans?


- A. RM 30,000.00
- B. RM 100,000.00
- C. RM 90,000.00
- D. RM 300,000.00

37. Antara yang berikut, pemilik perniagaan yang manakah tidak memerlukan Polisi Insurans Jaminan Setia ?

- A. Pemilik Stesen Minyak
- B. Pemilik Pasaraya
- C. Pemilik Bank
- D. Pemilik Kedai Runcit Serba Ada

SULIT

Soalan 38 berdasarkan pengiklanan di bawah.



38. Apakah jenis pengiklanan di atas ?

- A. Iklan Penerangan
- B. Iklan Bertanding
- C. Iklan Kolektif
- D. Iklan Memujuk

39. Syarikat Cendawan Jalur Sdn. Bhd. Baru sahaja berkecimpung dalam bidang pengeluaran pakaian lelaki. Syarikat baru sahaja siap mengeluarkan beberapa jenama seluar lelaki. Syarikat bertindak mengiklankan keluarannya. Apakah peranan promosi kepada syarikat ini.

- A. Mewujudkan pelanggan setia
- B. Memperkenalkan keluaran di pasaran
- C. Menambahkan jualan dan keuntungan
- D. Menyaingi pesaing di pasaran.

40. Pengiklanan kadangkala memberi kesan yang kurang baik kepada pengguna kerana..

- I Pengguna terpaksa membayar harga barangan yang lebih tinggi
- II Kebijaksanaan membeli pengguna diruntuhkan
- III Pengguna dikelirukan dan diperdayakan
- IV Pembaziran sumber pengeluaran akan berlaku

- A. I,II dan III
- B. I,II dan IV
- C. I,III dan IV
- D. II,III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT